

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN BAGI
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan apakah punca pihak berwajib melarang wartawan Malaysia Kini daripada membuat liputan lawatan Presiden Indonesia Joko Widodo ke Malaysia tempoh hari.

JAWAPAN :

Yang Berhormat,

Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) tidak mempunyai sebarang halangan untuk mana-mana wartawan tempatan mahupun asing yang telah diberikan Kad Perakuan Media (KPM) oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) untuk mengesahkan bahawa individu tersebut adalah pengamal media daripada agensi media yang sah.

Walau bagaimanapun, kebenaran untuk memasuki sesebuah premis bagi tujuan liputan media bagi sesuatu acara atau majlis anjuran agensi / institusi yang berkenaan adalah tertakluk kepada budi bicara dan kelulusan daripada pemilik premis yang mengeluarkan pas lawatan rasmi untuk media.